

# Tubuh kerajaan campuran Sabah Pairin mahu lamar Usno

Oleh WAN HAMIDI HAMID

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan sudah menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyatakan kesediaannya bekerjasama dengan Usno bagi mewujudkan kerajaan campuran di negeri itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, hasrat Datuk Seri Pairin yang juga Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) disampaikan kepadanya dalam pertemuan mereka di sini, Sabtu lalu.

Katanya, dalam perbincangan mereka, Datuk Seri Pairin bersungguh-sungguh menyatakan PBS mahu bekerjasama untuk membentuk kerajaan campuran dengan parti komponen BN.

"Saya menerangkan kepada beliau (Datuk Seri Pairin) kedudukan Usno se-

bagai komponen Barisan Nasional (BN) dan juga bentuk kerjasama yang boleh diwujudkan.

"Memang PBS menyebut mengenai kerajaan campuran tetapi saya hanya menjelaskan pendirian BN berhubung perkara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Strategi Pembangunan Bank Dunia di sini hari ini.

Pada dasarnya, Perdana Menteri berkata BN bersetuju dengan usaha PBS dan Usno bekerjasama untuk mewujudkan kerajaan campuran di Sabah.

Katanya, kerjasama itu memang patut diwujudkan tetapi ia harus dilaksanakan dalam konteks semangat kerjasama mengikut prinsip BN.

"Kita sedar kerjasama PBS-Usno berbeza daripada kerjasama antara parti komponen BN. Di Sarawak, umpamanya, ada tiga parti komponen BN tetapi satu daripadanya adalah pembangkang," ujarnya.

Dalam hal ini, menurutnya, BN boleh bekerjasama dengan parti pembangkang (seperti PBS) tetapi ia harus dibincangkan terlebih dahulu.

Dalam pilihanraya tahun lalu, PBS memenangi 36 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah manakala 12 kerusi dimiliki oleh Usno. Bagaimanapun, Rabu lalu Presiden Usno Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun mengumumkan beliau meletak jawatan untuk menyertai Umno.

Sebelum ini, PBS adalah parti komponen BN tetapi ia menyertai barisan pembangkang apabila mengisytiharkan keluar daripada BN menjelang pilihanraya umum, Oktober tahun lalu.

Mengenai hubungan kerjasama PBS-Usno dengan penubuhan Umno di Sabah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Itulah masalahnya (kerana ramai ahli Usno akan menyertai Umno). Keadaan sudah berubah."

Katanya, jika Umno menggantikan Usno, perkara itu perlu dirujuk kepada pucuk pimpinan Umno kerana ia membatik kepentingan di Sabah.

Ditanya sama ada Datuk Seri Pairin menyatakan hasrat PBS untuk kembali ke pangkuan BN, beliau berkata, Ketua Menteri Sabah itu tidak pula membuat sebarang kenyataan mengenai perkara itu.